

ORIGINAL ARTICLE



BIMBINGAN INSTRUKSIONAL MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

INSTRUCTIONAL COACHING ENHANCE QUALITY OF TEACHING AND LEARNING

Anita Md Saman ^{*1}; Sharifah Shafie ²; Asma Saad ³; Zuhailah Hashim ⁴

¹ Doctoral Candidate, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: anita.mdsaman@moe.gov

² Pandang District Education Office, Malaysia. Email: sharifah.sisc@moe.gov.my

³ Aminuddin Baki Institute, KPM, Malaysia. Email: asmasaad@moe.gov.my

⁴ Doctoral Candidate, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.

Email: zuhailahhashim@gmail.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/309>

Abstract

The teaching profession demands that teachers master PAK-21 techniques and skills in building and forming concrete student knowledge. Through this PAK-21 practice, the development of students' potential is honed holistically in producing knowledgeable and competitive human capital at the global level. This can only be generated through an effective and quality teaching process. However, empirical evidence shows that the quality of teaching and learning (TnL) of teachers is still at a moderate level which is at a satisfactory level. Therefore, this study was conducted to identify the extent to which the quality of teacher teaching can be improved through instructional coaching by School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+). This study involved 46 samples consisting of committee leaders and senior teachers known as middle leader teachers (MLT) in the state of Kedah. The survey was conducted online. The results of descriptive analysis using SPSS version 28 software show that the level of SISC+ personnel instructional coaching practice and the effectiveness of SISC+ personnel instructional coaching on the quality of MLT teaching and learning is very high. This finding indirectly shows that SISC+ personnel instructional coaching is very relevant in improving the quality of TnL MLT in preparing them as TnL leaders in schools. In conclusion, the results of this study are new empirical evidence that the presence of SISC+ personnel has a positive impact on the education arena in this country.

Keywords: Quality of teaching and learning, Middle leader teachers, School Improvement Specialist Coaches Plus, Instructional Coaching

Abstrak

Profesion perguruan menuntut para guru menguasai teknik dan kemahiran PAK-21 dalam membina serta membentuk pengetahuan murid yang konkrit. Melalui amalan PAK-21 ini, perkembangan potensi murid digilap secara holistik dalam melahirkan modal insan berilmu dan berdaya saing di peringkat global. Perkara ini hanya dapat dijana melalui proses pengajaran yang berkesan dan berkualiti. Walaubagaimanapun, bukti empirikal memperlihatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru masih pada tahap sederhana yang berada pada tahap memuaskan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan melalui bimbingan instruksional oleh *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+). Kajian ini melibatkan 46 sampel yang terdiri dalam kalangan ketua panitia dan guru kanan atau dikenali sebagai guru pemimpin pertengahan @ *middle leader teacher* (MLT) di negeri Kedah. Kajian tinjauan ini dilaksanakan secara dalam talian. Hasil analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 28 menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan instruksional personel SISC+ dan keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ terhadap kualiti PdP MLT berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa bimbingan instruksional personel SISC+ sangat relevan dalam meningkatkan kualiti PdP MLT dalam menyediakan mereka sebagai pemimpin PdP di sekolah. Secara kesimpulannya hasil kajian ini merupakan bukti empirikal baru yang mengakui kehadiran personel SISC+ memberi impak positif dalam arena pendidikan di negara ini.

Kata Kunci: Kualiti pengajaran dan pembelajaran, Guru pemimpin pertengahan, School Improvement Specialist Coaches Plus, Bimbingan Instruksional

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 9th July 2024, revised 30th August 2024, accepted 21th September 2024

Pengenalan

Falsafah Pendidikan kebangsaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) direncanakan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Dalam pelaksanaan FPK, pembangunan potensi para pelajar menjadi keutamaan dalam membangunkan modal insan yang pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, setiap aktiviti pendidikan perlu dipastikan

untuk mempunyai unsur-unsur utama FPK iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. (Syahirah Rosli et al., 2022).

Bagi memastikan FPK dapat dicapai dengan lebih realistik maka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilancarkan pada 6 September 2013. Inisiatif Program Transformasi Daerah telah dibangunkan untuk memberi tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah bagi memacu prestasi sekolah dengan sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses secara jelas. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sokongan yang secukupnya kepada pengetua dan guru besar untuk membantu mereka meningkatkan prestasi sekolah menerusi PPPM (2013-2025). Justeru itu, kementerian telah melakukan anjakan ke enam iaitu mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan bagi membantu pihak sekolah mengenal pasti punca utama isu dan cabaran bagi peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kualiti Guru merupakan salah satu anjakan strategik dalam visi sistem pendidikan dan aspirasi murid dalam PPPM di bawah cadangan Transformasi Keguruan Sebagai Profesion Pilihan. Guru sebagai agen pelaksana dasar-dasar kerajaan perlu ditransformasikan seiring dengan keperluan sistem pendidikan baharu ini di mana sekolah perlu ditransformasikan.

Bagi tujuan ini, satu kerangka sokongan dan intervensi yang menjurus kepada sekolah, KPM telah menyediakan satu penyelesaian dengan mewujudkan jawatan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches atau SISC+) mulai 2014 dan sekarang juga dikenali sebagai Pakar Pedagogi di PPD untuk memberi sokongan kepada sekolah. Program bimbingan tersebut bertujuan untuk menjadikan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru berkenaan menjadi lebih menarik, efektif, kreatif dan inovatif seiring dengan perkembangan semasa iaitu mengamalkan pembelajaran abad ke-21. Hal ini demikian kerana kemahiran guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting supaya setiap objektif yang ditetapkan dapat dicapai pada akhir sesi pembelajaran dan Falsafah Pendidikan Guru iaitu guru yang pekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin dapat direalisasikan. Program ini merupakan satu kesinambungan yang berterusan bagi memastikan guru sentiasa berada pada landasan yang betul untuk menghasilkan satu sesi pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan sungguh pun semua guru telah didedahkan kemahiran tersebut dalam latihan guru yang lepas (Huong & Nur Ain Elzira, 2018).

Jawatan personel SISC+ diwujudkan untuk membimbing guru kearah peningkatan kualiti pengajaran, dan meningkatkan kefahaman dasar, kurikulum baharu dan pentaksiran kepada guru yang dibimbing. Personel SISC+ bertanggungjawab memberikan bimbingan mengikut ketiga-tiga dimensi yang saling berkait, iaitu kurikulum, pentaksiran, dan pedagogi. Personel SISC+ membimbing pemimpin pertengahan kearah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah yang lebih menarik dan berkesan selaras dengan perkembangan semasa. Guru akan dibimbing untuk menggunakan elemen teknologi dan amalan pedagogi kreatif dan inovatif untuk menarik minat murid. Guru juga dibimbing untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdP selaras dengan keperluan abad ke-21. Bimbingan instruksional oleh personel SISC+ telah dilaksanakan selama 9 tahun mulai 2014. Oleh itu keberkesanan bimbingan instruksional oleh personel SISC+ perlu diukur keberkesanannya bagi melakukan penambahbaikan bagi

mencapai objektif PPPM dan seterusnya FPK dapat direalisasikan. Kajian ini Bimbingan Instruksional Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran yang dijalankan ini bertepatan bagi melihat sejauh mana keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ seperti mana yang dihasratkan oleh KPM.

Pernyataan Masalah

Inisiatif personel SISC+ diperkenalkan KPM bagi menyokong meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pemimpin pertengahan (ML) berjaya mencapai sasaran (Zubaidah et al., 2019). Malahan bertepatan dengan laporan oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), bahawa 98.74% kualiti pengajaran dan pembelajaran pemimpin pertengahan dibimbing oleh Personel SISC+ mencapai tahap baik minima SKPMg2 Standard 4 (PADU, 2019). Walaupun bimbingan instruksional personel SISC+ berkesan dalam meningkatkan kualiti pengajaran ML, namun kajian yang ada belum mencukupi untuk membuktikan bahawa program bimbingan instruksional ini berjaya mengubah amalan pengajaran guru (Zubaidah et al., 2019). Hal ini kerana Norazlina et al., (2023) mendedahkan bahawa amalan bimbingan instruksional oleh ML tidak berkesan kerana kekurangan pengetahuan. Malahan ML juga kurang kemahiran teknikal semasa sesi bimbingan bersama guru. Kedua-dua dapatan telah menunjukkan keperluan kritikal bagi pelaksanaan bimbingan instruksional yang khusus oleh personel SISC+ bagi memperkasa dan melengkapkan ML dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyokong dan memupuk peningkatan pedagogi berterusan dalam kalangan guru di sekolah.

Amalan PAK 21 dalam PdP guru-guru di sekolah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Namun, penambahbaikan perlu dilakukan kerana terdapat guru yang masih tidak pasti sama ada tahu atau faham tentang PAK 21 (Mashira et al., 2020). Ini adalah menjadi salah satu tanggungjawab pegawai Personel SISC+ membimbing ML bagi memastikan ML mempunyai kefahaman dan bersedia untuk melaksanakannya dalam kalangan guru agar proses PdP berkesan. Isu yang timbul adakah personel SISC+ membimbing ML?

Maka, sangat relevan untuk melaksanakan kajian lanjutan bagi melihat adakah senario ini juga berlaku di Negeri Kedah yang menjadi sampel kajian dan bimbingan membantu meningkatkan kualiti pengajaran ML yang dibimbing personel SISC+.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti tahap amalan bimbingan instruksional personel SISC+ terhadap ML.
2. Mengenal pasti tahap keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap amalan bimbingan instruksional personel SISC+ terhadap ML?
2. Apakah tahap keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran?

Kajian Literatur

Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (School Improvement Specialist Coaches - SISC+)

PPPM 2013 – 2025 menggariskan satu Inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) yang memberi penekanan kepada pengupayaan PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan. Program ini bertujuan memberi tumpuan kepada meningkatkan pencapaian sekolah berprestasi rendah dan merapatkan jurang pencapaian. Oleh yang demikian, pemimpin daerah dan sekolah mempunyai lebih kuasa untuk membuat keputusan berkaitan operasi harian serta intervensi yang lebih khusus mengikut konteks sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Terdapat empat komponen utama dalam Program Transformasi Daerah (DTP) yang berteraskan kepada konsep sokongan dan akauntabiliti. Empat komponen tersebut adalah (i) mengupaya kepimpinan tempatan (ii) memberi sokongan kepada organisasi yang paling memerlukan (iii) menambat akses, kualiti, dan ekuiti dan (iv) disiplin pemantauan, penyelesaian masalah, dan pengambilan Tindakan. Maka, personel SISC+ iaitu satu perjawatan telah diwujudkan di PPD secara sepenuh masa bagi menjayakan DTP ini. Dua negeri rintis telah dipilih iaitu Kedah dan Sabah bermula pada tahun 2013 dan hanya fokus kepada tiga mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Personel SISC+ bertanggung jawab memberikan bimbingan kepada guru terutama guru dari sekolah yang berprestasi rendah (Band 5, 6 dan 7) dari aspek kurikulum, pentaksiran, dan pedagogi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Namun, berdasarkan waran S90/2019 yang diluluskan pada 1 Jun 2019, peranan personel SISC+ dalam memberi bimbingan berubah daripada memberi bimbingan kepada guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik kepada memberi bimbingan ML iaitu Guru Kanan Mata Pelajaran dan juga Ketua Panitia.

Personel SISC+ di lantik dalam kalangan Guru Cemerlang mengikut bidang berikut iaitu SISC+ Bahasa, SISC+ Sains dan Matematik, SISC+ Sains Sosial dan SISC+ Teknik Vokasional. Fungsi personel SISC+ juga turut bertambah di mana, peruntukan peratus bimbingan instruksional meningkat daripada 60% kepada 70%, personel SISC+ juga turut menganalisis dan melaporkan pencapaian sekolah. 20% adalah melaksanakan bimbingan peningkatan profesionalisme berterusan (CPD) dan komuniti pembelajaran profesional (PLC), 5% memberi bimbingan perkongsian amalan terbaik dan 5% adalah Guru Kanan Mata Pelajaran dan Ketua Panitia menguruskan dan membimbing ahli panitia lain mengikut bidang masing-masing.

Kerangka Teoritikal Kajian

Menurut Grant dan Osanloo (2014) kerangka teoritikal adalah merupakan satu garis panduan yang menghubungkan semua pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian yang akan digunakan sebagai asas untuk menjelaskan teori kajian. Bimbingan instruksional adalah pendekatan yang melibatkan hubungan antara pembimbing (coach atau mentor) iaitu personel SISC+ dan individu yang menerima bimbingan (coachee atau mentee) pemimpin pertengahan untuk pembangunan profesional dan peribadi. Terdapat beberapa teori dan pendekatan yang boleh digunakan dalam amalan bimbingan instruksional, dan pemilihan teori yang sesuai bergantung kepada matlamat, konteks, dan keperluan individu atau organisasi yang terlibat. Di dalam kajian ini teori yang dipilih adalah teori pembelajaran sosial dan teori konstruktivisme sosial.

Teori Pembelajaran Sosial (Social Learning Theory) adalah teori yang dikembangkan oleh Albert Bandura, seorang ahli psikologi terkenal. Teori ini berkaitan dengan cara individu belajar melalui interaksi sosial, pengamatan, dan model. Teori ini mempunyai aplikasi yang relevan dalam konteks bimbingan dan pementoran kerana ia menekankan pentingnya hubungan antara individu dan pengaruh sosial dalam proses pembelajaran dan perkembangan (Bandura dan Walters, 1977).

Melalui teori perkembangan kognitif Piaget, Lev Vygotsky seterusnya mengembangkannya kepada teori konstruktivisme sosial yang menekankan pentingnya pembelajaran sosio budaya dan interaksi antara aspek dalaman dan luaran dalam lingkungan sosial. Teori ini menjelaskan hasil daripada interaksi sosial antara individu berbeza budaya dapat menghasilkan fungsi kognitif. Zon perkembangan proximal (ZPD) dalam teori Vygotsky (1978) sangat sukar untuk dikuasai oleh diri sendiri tetapi dapat dikuasai dengan bimbingan dan bantuan daripada orang lain yang lebih pakar dan berpengalaman serta lebih berkemahiran (Mastura et al., 2020).

ML memerlukan pembangunan profesional yang berterusan untuk mengekalkan tahap kecekapan yang tinggi dan daya saing dalam laluan kerjaya serta bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik bidang masing-masing. Menurut Jupri Basari dan Siew (2022) dalam teori konstruktivisme sosial terdapat empat prinsip yang dapat diaplikasikan dalam konteks bimbingan instruksional. Prinsip (i) pembelajaran aktif, dalam sesi bimbingan, ML yang menerima bimbingan di ajar untuk memikirkan secara aktif mengenai matlamat mereka, Tindakan yang perlu diambil dan penyelesaian kepada masalah yang timbul. ML digalakkan untuk bertanya soalan, meneroka konsep-konsep dan mencari jawapan sendiri. Personel SISC+ berperanan sebagai fasilitator yang membantu individu merancang dan menjalankan tindakan yang sesuai. Prinsip (ii) pengalaman sebagai asas pembelajaran. Bimbingan instruksional sering melibatkan pengalaman praktikal. ML yang dibimbing dapat mengambil Langkah konkrit untuk mencapai matlamat mereka dan belajar melalui tindakan dan pengalaman sebenar. Personel SISC+ membantu mereka merancang pengalaman-pengalaman ini dan mengambil pengajaran daripadanya. Prinsip yang ke (iii) pengajaran berpusatkan pelajar. Dalam konsep bimbingan instruksional pendekatan ini lebih berpusatkan kepada individu yang dibimbing iaitu ML. Personel SISC+ sebagai coach membantu ML memahami potensi mereka, keperluan pembelajaran dan matlamat yang ingin dicapai. Personel SISC+ membimbing ML merancang strategi dan tindakan yang sesuai dengan konteks diri mereka sendiri. Prinsip yang ke (iv) adalah sosial dan kolaboratif. Konstruktivisme mengiktiraf peranan interaksi sosial dalam pembelajaran. Dalam bimbingan instruksional interaksi antara coach dengan individu yang dibimbing adalah penting. Mereka berkolaborasi dalam

merancang tindakan, menjalankannya, dan merundingkan kemajuan. Sesi-sesi bimbingan instruksional juga boleh membolehkan individu berinteraksi dengan rakan sebaya atau pakar dalam bidang tertentu. Penerapan teori pembelajaran sosial dan pembelajaran konstruktivisme dalam bimbingan instruksional membantu ML mengambil tanggung jawab atas pengajaran, pembelajaran dan perkembangan mereka sendiri. Ini menggalakkan pemikiran kritis, kreatif serta pertumbuhan diri yang berterusan. Personel SISC+ berperanan sebagai pendorong, fasilitator dan pemudahcara bagi membantu individu ML mencapai matlamat mereka dengan lebih efektif dan efisien (Chuang, 2021).

Model Bimbingan Instruksional

Model GROW adalah model bimbingan yang terkenal dan sangat mudah untuk difahami dan diikuti. Model ini dapat membantu personel SISC+ dan ML dalam merancang matlamat, menilai realiti semasa, membuat pilihan dan merancang tindakan yang sesuai. Model GROW adalah satu kaedah yang sangat terstruktur dan mudah digunakan dalam sesi bimbingan. Model ini memberikan kerangka kerja yang padat untuk membantu individu merancang dan mencapai matlamat mereka dengan lebih berkesan. Salah satu kelebihan utama model ini adalah ia memberi tumpuan kepada tindakan yang praktikal dan merangsang pemikiran kreatif untuk mencari penyelesaian yang berkesan. Model GROW juga memastikan bahawa perancangan tindakan adalah selaras dengan realiti semasa dan matlamat individu (Mastura et al., 2020).

Rajah 1

Model Grow dalam Mastura et al., 2020




Model bimbingan dan pementoran yang digunakan dalam kajian ini adalah Model NP-AC-MC (Need Priority, Action Check, Maintain Customize). Model ini merupakan hasil gabungan dan sedikit pengubahsuaian daripada Model GROW (Goals, Reality, Options, Way Forward) serta Kitaran PDCA (Plan, Do, Check, Action). Beberapa elemen telah ditambah dalam model ini dan menjadikan model ini boleh digunakan sebagai panduan dalam proses bimbingan instruksional serta dapat meningkatkan kualiti proses bimbingan dan pementoran. Secara keseluruhannya,

model ini lebih bersifat mesra coach-coachee dan dapat membina hubungan baik antara coach dan coachee semasa proses bimbingan instruksional.

Rajah 2


Model NEED, PRIORITY, ACTION, CHECK, MAINTAIN, CUSTOMIZE dalam Asma (2023)



Justeru, dipaparkan ringkasan kerangka teoritikal bagi kajian ini pada Rajah 3.

Rajah 3

Kerangka Teoritikal kajian



Model NP-AC-MC menjelaskan bahawa sesi bimbingan instruksional akan melalui tiga fasa iaitu fasa pertama, fasa kedua dan juga fasa ketiga. Dalam fasa pertama, pembimbing akan mengenalpasti keperluan coachee serta menentukan keutamaan sebelum bimbingan dimulakan. Proses pengenalpastian masalah serta penentuan keutamaan bimbingan ini sangat penting kerana

ianya akan menyebabkan sesi bimbingan akan lebih berfokus. Coach tidak akan membazirkan masa melaksanakan bimbingan terhadap perkara yang kurang penting dan tidak diperlukan oleh coachee. Selain itu juga, coachee akan berasa lebih selesa kerana keperluannya terhadap beberapa perkara diberi keutamaan dan dibimbing dengan betul oleh coach tersebut.

Fasa kedua Model NP-AC-MC iaitu Action dan Check bermaksud setelah keperluan dan keutamaan ditentukan secara bersama oleh coach dan coachee, sesi bimbingan instruksional akan dilaksanakan berdasarkan apa yang dirancang. Bimbingan coach akan tertumpu kepada keperluan coachee iaitu melakukan bimbingan terhadap perkara-perkara yang perlu diberi penekanan dan perlu ditambah baik. Setiap bimbingan yang dilaksanakan haruslah disemak (Check) dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung hubungan sesama coach dan coachee akan lebih baik kerana coach dapat memenuhi keperluan coachee.

Fasa ketiga pula berlaku selepas sesi bimbingan instruksional dilaksanakan. Maintain dan Customize juga menjadi kepentingan dalam sesi bimbingan. Pelaksanaan atau amalan baik coachee perlulah dikekalkan dan dikongsi dengan rakan-rakan coachee yang lain. Selain itu juga, perkara yang kurang berkesan atau memberi impak yang kurang perlulah ditambahbaik dari semasa ke semasa. Ketiga-tiga fasa dalam Model NP-AC-MC ini akan memberikan kesan yang lebih positif dan berkesan dalam sesi bimbingan. Keselesaian coachee terhadap coach sangat penting dalam membina hubungan baik serta saling hormat menghormati dalam pelaksanaan bimbingan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian tinjauan. Tinjauan melalui soal selidik adalah paling sesuai untuk mengetahui pemikiran, perasaan dan perbuatan bagi kumpulan sasaran tertentu. Kajian tinjauan juga merupakan kaedah yang cepat, murah dan tepat untuk mengumpul maklumat daripada responden kajian (Lay & Khoo, 2013). Dalam kajian ini, penyelidik meninjau aspek keberkesanan dan impak bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh personel SISC+ terhadap ML.

Populasi dan Persampelan

Populasi adalah sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji, manakala sampel pula adalah sebahagian daripada populasi yang hendak dikaji mengikut objektif kajian (Creswell & Creswell, 2018; Fuad Mohamed Berawi, 2017). Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan tujuan (*purposive sampling*). Seramai 46 orang pemimpin pertengahan daripada lima daerah di dalam negeri Kedah telah dipilih sebagai sampel kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah alat yang digunakan untuk mengutip data atau maklumat secara sistematik (Lay & Khoo, 2013). Item dalam soal selidik ini menggunakan Skala Likert lima mata iaitu (1) Sangat Tidak Setuju (2) Tidak setuju (3) Kurang setuju (4) Setuju (5) Sangat Setuju. Instrumen ini diadaptasi daripada instrumen kajian amalan dan keberkesanan bimbingan instruksional

personal SISC+ dari perspektif guru Bahasa Melayu yang dibangunkan oleh Sarabiah dan Zamri (2018). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A demografi responden, Bahagian B item berkaitan tahap amalan bimbingan instruksional personel SISC+ dari perspektif ML. Bahagian C pula berkaitan tahap keberkesanan personel SISC+ dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik ini telah diedarkan secara atas talian menggunakan *Google Form* kepada ML sekolah rendah dan menengah di dalam daerah Langkawi, Kuala Muda Yan, Pendang, Padang Terap dan Sik.

Analisis Data

Kajian ini melibatkan penganalisan data secara kuantitatif yang menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 28.0. Analisis deskriptif dijalankan bagi memperoleh frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Pentaksiran skor min berdasarkan Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) yang dibahagikan kepada lima tahap seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 1.80	Sangat rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Nur Hawa dan Ghazali, 2018.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan data demografi responden kajian yang terdiri daripada 46 orang kalangan ML yang dibimbing oleh personel SISC+ TVET dan SISC+ Sains dan Matematik dari lima daerah di Negeri Kedah iaitu Daerah Langkawi, Daerah Padang Terap, Daerah Kuala Muda Yan, Daerah Pendang dan Daerah Sik. Empat daripada lima daerah ini hanya mempunyai seorang personel SISC+ bagi setiap bidang. Profil responden adalah berdasarkan ciri-ciri demografi yang terkandung dalam borang soal selidik. Hasil Inalisis deskriptif menunjukkan bahawa ML terdiri dari 35 orang (76.1%) yang memegang jawatan Guru Kanan (GK) dan 11 orang (32.9 %) yang memegang jawatan Ketua Panitia (KP). Hasil analisis menunjukkan bahawa bilangan ML dalam kalangan GK dibimbing lebih ramai daripada KP. Analisis juga mendapati mereka yang dibimbing oleh personel SISC+ yang mempunyai kurang dari 5 tahun pengalaman mengajar seramai 4 orang (8.7%), yang mempunyai 6-10 tahun pengalaman mengajar seramai 3 orang (3%), 11-15 tahun pengalaman mengajar 13 orang (28.3%), 16-20 tahun pengalaman mengajar 5 orang (10.9%) dan lebih dari 20 tahun pengalaman mengajar 21 orang (45.7%). Analisis menunjukkan bahawa ML yang dibimbing oleh personel SISC+ paling ramai dalam kalangan lebih daripada 20 tahun pengalaman mengajar dan paling sedikit adalah 6-10 tahun pengalaman mengajar. Dari aspek

kekerapan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam PdP menunjukkan 56.5% bimbingan 1-2 kali setahun, 34.9% dengan jumlah bimbingan 3-4 kali setahun dan hanya 5.7% bimbingan lebih dari 5 kali setahun. Sementara itu kaedah perhubungan antara personel SISC+ dengan ML melalui telegram adalah paling tinggi iaitu 50.0%, diikuti melalui WhatsApp 34.8%, Google Meet 10.9% dan hanya 2% lain-lain platform.

Jadual 2

Profil responden kajian

Kriteria	Kumpulan	Frekuensi	Peratus
Jawatan MLT	Guru Kanan	35	76.1
	Ketua Panitia	11	32.9
Pengalaman Mengajar	Kurang dari 5 tahun	4	8.7
	6-10 tahun	3	6.5
	11-15 tahun	13	28.3
	16-20 tahun	5	10.9
	Lebih dari 20 tahun	21	45.7
Bimbingan PdP Setahun	1-2 kali	26	56.5
	3-4 kali	16	34.8
	Lebih dari 5 kali	4	8.7
Platform Perhubungan SISC dan MLT	Whatsapp	16	34.8
	Telegram	23	50.0
	Google Meet	5	10.9
	Lain-Lain	2	4.3

Tahap Amalan Bimbingan Instruksional Personel SISC+ dari Perspektif ML

Hasil analisis deskriptif secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan personel SISC+ dari perspektif ML pada tahap sangat tinggi dengan min 4.21 dengan sisihan piawai .50 seperti ditunjukkan dalam Jadual 3. Item pertama iaitu ‘personel SISC+ sentiasa memberi komen yang membina’ menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 4.33 dengan sisihan piawai sebanyak 0.50. Item yang mempunyai min paling rendah iaitu ‘personel SISC+ sentiasa memberi bimbingan berterusan sehingga mencapai tahap yang ditetapkan’ dengan nilai min 4.07 dan sisihan piawai sebanyak 0.78.

Jadual 3

Tahap Amalan Bimbingan Instruksional Personel SISC+ dari Perspektif ML

Bil	Bimbingan Instruksional	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Personel SISC+ memberi maklum balas yang konstruktif terhadap PdPc guru yang dibimbing.	4.20	.50	Tinggi

2	Personel SISC+ memberi peluang kepada guru yang dibimbing untuk membuat refleksi terhadap PdPc mereka.	4.20	.50	Tinggi
3	Personel SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan profesionalisme guru.	4.28	.54	Sangat Tinggi
4	Personel SISC+ mendorong guru yang dibimbing untuk meningkatkan kualiti PdPc guru	4.28	.58	Sangat Tinggi
5	Personel SISC+ memberi sokongan yang diperlukan guru yang dibimbing dalam menghadapi cabaran transformasi pendidikan.	4.24	.58	Sangat Tinggi
6	Personel SISC+ membimbing guru untuk merancang PdPc yang menyeronokkan dan berkesan.	4.15	.57	Tinggi
7	Personel SISC+ membimbing guru yang dibimbing membuat penambah baik terhadap PdPc.	4.28	.60	Sangat Tinggi
8	Personel SISC+ sentiasa memberi komen dan ulasan yang membina.	4.33	.50	Sangat Tinggi
9	Personel SISC+ mengadakan sesi perbincangan dengan guru yang dibimbing selepas memantau proses PdPc di dalam kelas.	4.09	.52	Tinggi
10	Personel SISC+ sentiasa memberikan bimbingan yang berterusan sehingga guru mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan.	4.07	.78	Tinggi
Keseluruhan		4.21	.50	Sangat Tinggi

Tahap Keberkesanan Bimbingan Instruksional Personel SISC+ dalam Meningkatkan Proses PdP ML

Hasil analisis tahap keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan proses PdP ML ditunjukkan dalam Jadual 4. Secara keseluruhannya keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ terhadap peningkatan PdP ML berada pada tahap tinggi dengan min 4.11 dan sisihan piawai .54. Dapatan ini menunjukkan keberkesanan bimbingan instruksional masih padan tahap tinggi dan bukan paling tinggi. Terdapat dua item yang mempunyai skor min yang paling tinggi iaitu item 1, “Saya lebih yakin untuk mengaplikasikan sesi pengajaran di dalam kelas selepas sesi bimbingan” dan item 10, “personel SISC+ telah membimbing saya secara profesional” dengan skor min tertinggi 4.20 dan sisihan piawai masing-masing 0.54 dan 0.58. Manakala item 9, ‘Saya berjaya mengaplikasikan setiap aktiviti yang disyorkan oleh personel SISC+’ mendapat skor min paling rendah iaitu 3.93 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.58.

Jadual 4

Tahap Keberkesanan Bimbingan Instruksional Personel SISC+ dalam Meningkatkan Proses PdP ML

Bil	Bimbingan Instruksional	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya lebih yakin untuk mengaplikasikan sesi pengajaran di dalam kelas selepas sesi bimbingan.	4.20	.54	Tinggi
2	Proses pengajaran saya lebih menarik selepas mendapat bimbingan daripada personel SISC+	4.11	.54	Tinggi
3	Pengajaran saya dapat menarik minat para pelajar selepas mendapat bimbingan personel SISC+.	4.11	.53	Tinggi
4	Saya berpuas hati dengan teknik bimbingan yang diberikan oleh jurulatih PERSONEL SISC+.	4.13	.62	Tinggi
5	Saya lebih prihatin terhadap keperluan pembelajaran murid selepas dibimbing oleh personel SISC+.	4.15	.56	Tinggi
6	Saya dapat mengenal pasti kelemahan dalam pengajaran saya selepas mendapat bimbingan personel SISC+	4.17	.61	Tinggi
7	Proses pengajaran semakin menarik dan tidak membosankan.	4.11	.61	Tinggi
8	Bimbingan personel SISC+ memberikan banyak peningkatan positif kepada saya dalam menjalankan tugas sebagai guru mata pelajaran	3.98	.72	Tinggi
9	Saya berjaya mengaplikasikan setiap aktiviti yang disyorkan oleh personel SISC+.	3.93	.72	Tinggi
10	Personel SISC+ telah membimbing saya secara profesional.	4.20	.58	Tinggi
	Keseluruhan	4.11	.54	Tinggi

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan instruksional personel SISC+ dari perspektif ML pada tahap sangat tinggi. Hal ini menunjukkan ML bersedia menerima bimbingan dari personel SISC+ bagi meningkatkan pencapaian PdPc mereka (Asnia et al., 2021). Idealnya, personel SISC+ sentiasa memberi komen yang membina tetapi bimbingan personel SISC+ tidak berterusan sehingga mencapai tahap yang ditetapkan. Hal ini kerana personel SISC+ tidak dapat

melaksanakan peranan mereka secara konsisten kerana ada tanggungjawab lain selain melaksanakan bimbingan instruksional (Thomas, 2020).

Dapatan tahap keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan proses PdP ML berada pada tahap sangat tinggi. Guru lebih yakin untuk mengaplikasikan sesi pengajaran di dalam kelas selepas sesi bimbingan. Namun begitu ML tidak berjaya mengaplikasikan semua aktiviti yang disyorkan oleh personel SISC+ semasa sesi bimbingan kepada guru dibawah bimbingan mereka. Hal ini kerana ML menghadapi pelbagai cabaran seperti kandungan kurikulum baharu, arahan atasan dan bebanan kerja yang semakin rencam (Asma, 2023).

Hasil analisis deskriptif secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan personel SISC+ dari perspektif ML berada pada tahap sangat tinggi jelas menunjukkan ML berpuas hati dengan cara bimbingan yang diberikan oleh personel SISC+ negeri Kedah selama ini. Begitu juga tahap keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan proses PdP ML yang berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan ML memerlukan bimbingan instruksional terutama berfokuskan pedagogi dari personel SISC+ dan bimbingan instruksional dalam talian juga dapat memupuk pertumbuhan professional guru (Stoetzel & Shedrow, 2020).

Melalui personel SISC+ ini, guru didedahkan kepada bimbingan proses PdPc di dalam bilik darjah menjurus kepada pembelajaran abad ke-21 dan bukan kaedah lama yang membosankan seperti menulis dan menerangkan kepada pelajar secara *talk and chalk* sahaja. Guru-guru juga ditekankan mengenai kaedah yang bukan berorientasikan peperiksaan semata-mata, sebaliknya lebih kepada membimbing mereka melaksanakan PdPc di dalam kelas untuk disesuaikan dengan pendekatan pemikiran inovatif *i-think* dan KBAT (Noel Jimbal & Zamri 2016).

Ini bersesuaian dengan bidang tugas personel SISC+ adalah untuk membimbing ML dalam aspek pedagogi, pentaksiran dan kurikulum. Personel SISC+ membimbing ML ke arah PdP dalam bilik darjah yang lebih menarik dan berkesan selaras dengan perkembangan semasa. ML akan dibimbing untuk menggunakan elemen teknologi dan amalan pedagogi kreatif dan inovatif untuk menarik minat murid. ML juga dibimbing untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdP selaras dengan keperluan abad ke-21.

Kesimpulan

Kajian ini memberi implikasi positif kepada personel SISC+ dalam bimbingan kepada ML dan seterusnya memberi impak kepada proses penambahbaikan dalam pengajaran guru-guru di Kedah. Objektif kajian ini yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan bimbingan instruksional personel SISC+ terhadap ML dan menentukan tahap keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran ML sangat bertetapan untuk penambahbaikan bimbingan instruksional di PPD khasnya dan JPN amnya.

Hasil kajian menunjukkan bahawa keberkesanan bimbingan instruksional yang dilakukan oleh personel SISC+ terhadap ML dan keberkesanan bimbingan instruksional personel SISC+ dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran ML adalah tinggi. Implikasi kajian ini ialah personel SISC+ yang dilantik oleh KPM memberi impak kepada ML di sekolah menengah. Hasil

dapatan ini boleh digunakan oleh pihak atasan di KPM, JPN atau di PPD bagi meningkatkan lagi kepuasan ML dan guru terhadap bimbingan personel SISC+ bagi meningkat kejayaan bukan sahaja dalam kurikulum tetapi dalam bidang kokurikulum dan HEM. Ini adalah kerana setiap item yang di kaji menunjukkan ML dan guru berpuas hati dengan cara bimbingan yang diberikan oleh personel SISC+ selama ini. Kajian ini boleh diperluaskan bagi melihat sejauh mana hubungan antara pegawai personel SISC+ dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran ML. Ini merupakan kesinambungan kepada kajian ini dan dipercayai dapatan kajian tersebut akan dapat membantu meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia.

Rujukan:

- Asma Saad. (2023). *Pengaruh pembudayaan komuniti pembelajaran professional dan amalan kolaboratif terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru pemimpin pertengahan* [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Utara Malaysia.
- Asnia Kadir, Karuppattan, G., Mohammad Abdur Rahman & Kumarasamy, M.M (2021). The effects of coaching and mentoring on metacognition knowledge among malay language teachers in Sabah, Malaysia. *American International Journal of Education and Linguistics Research*, 4(1), 18 – 30.
- Bandura, A., & Walters, R. H. (1977). *Social learning theory* (Vol. 1). Prentice Hall.
- Chuang, S. (2021). The Applications of Constructivist Learning Theory and Social Learning Theory on Adult Continuous Development. *International Society for Performance Improvement*, 60 (3), 6 – 14. <https://doi.org/10.1002/pfi.21963>
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed-method approaches*. Sage Publications Ltd.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Grant, C. & Osanloo, A. (2014). Understanding, selecting, and integrating a theoretical framework in dissertation research: Creating the blueprint for house. *Administrative Issues Journal: Connecting Education, Practice and Research*, 12-22.
- Huong, W. S., & Nur Ain Elzira Binti Abdullah. (2018). Bimbingan Dan Pementoran Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (PERSONEL SISC+) Menurut Perspektif Guru Dibimbing (GDB). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3, 57-72
- Jupri Basari & Siew, N. M. (2022). Kerangka Pemupukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tambahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(3), e001348: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1348>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025* (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Panduan Pengurusan Program Transformasi Daerah Edisi 3.0*. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.
- Lay, Y.F, & Khoo, C.H. (2009). *Pengenalan kepada pendekatan kuantitatif dalam penyelidikan pendidikan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman, & Khairul Anuar Bahrin. (2023). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA*, 26, 13-24.
- Mastura Kamarudin, Azni Yanti Kamarudin, Ramiaida Darmi, & Noor Saazai Mat Saad. (2020).

- A review of coaching and mentoring theories and models. *International Journal of Academic Research in Progressive Education Development*, 9(2), 289-298. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v9-i2/7302>
- Norazlina Ros Abd Rahman, Zuraidah Abdullah, Husaina Banu Kenayathulla, & Gurusamy, T. (2023). Professional development of instructional coaching for middle leaders in Malaysian secondary schools: A need analysis. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies*, 4(3), 2775-8774.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22-31.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penyelidikan tesis penyelidikan dan statistik*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Sarabiah Jusoh & Zamri Mahamod. (2018). Amalan dan Keberkesanan Bimbingan Jurulatih SISC+ dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 31(1), 45 – 68.
- Stoetzel, L., & Shedrow, S. (2020). Coaching our coaches: How online learning can address the gap in preparing K-12 instructional coaches. *Teaching and Teacher Education*, 88. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102959>
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86–103. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.7>
- Thomas, M. A. (2020). *Experiences and perceptions of instructional lead teachers on improving teacher quality*. (Tesis doktor falsafah). Texas: Walden University
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press
- Wallace, M. J. (1991). *Training foreign language teachers*.
- Zubaidah Bibi Mobarak Ali, Hamidah Yamat, & Wahiza Wahi. (2019). School improvement specialist coaches plus (PERSONEL SISC+) teacher coaching in Malaysia: examining the studies. *International Journal of Contemporary Applied Researches*, 6(6), 125-136.